

Ucapan: AHDU
569
183/80

Kementerian Pelajaran memandang berat
kepada masalah kecaciran murid-murid sekolah.

Oleh Ucapan YB Menteri Pelajaran,
Datuk Hussein Onn, semasa
menerima laporan keciciran
murid-murid di Kementerian
Pelajaran pada 2.3.73 Jam:
10.00 pagi

(1) Untuk mengkaji keefektifan kecaciran
murid-murid di darjah-darjah dan tingkatan-
tingkatan tertentu dan murid-murid yang
tidak mendapatkan nilai yang memuaskan dalam
sistem pelajaran.

(2) Untuk mengetahui faktor-faktor
pembelajaran yang menyebabkan kecaciran
misalnya, mutu pembelajaran di sekolah-
sekolah, jenis sekolah (misalnya sekolah
kecil, menengah atau besar), bilangan

- 2 -

Kementerian Pelajaran memandang berat kepada masalah keciciran murid-murid sekolah. Oleh itu Kementerian telah membentuk satu pasukan untuk mengkaji perkara tersebut secara mendalam dan pada pagi ini saya menerima laporan itu. Objektif-objektif kajian tersebut adalah seperti berikut :-

(1) Untuk mengkaji kedudukan keciciran murid-murid di darjah-darjah dan tingkatan-tingkatan tertentu dan murid-murid yang tidak mendaftarkan diri masuk sekolah dalam sistem pelajaran.

(2) Untuk mengetahui faktor-faktor pengajaran yang menyebabkan keciciran misalnya, mutu pengajaran di sekolah-sekolah, jenis sekolah (misalnya samada kecil, sederhana atau besar), bilangan

2. murid-murid di sekolah itu (samada adalah satu kaum atau berbilang kaum) dan pasukan lain-lain.


(3) Untuk mengetahui faktor-faktor sosial, kebudayaan dan sikap yang menyebabkan keciciran, terutama sekali di kalangan kanak-kanak yang berkebolehan.

(4) Untuk mengetahui faktor-faktor ekonomi, demografik dan alam sekeliling yang menyebabkan keciciran.

(5) Untuk mengetahui faktor-faktor yang lain seumpamanya sikap masyarakat dan ibubapa dan lain-lain, yang mana akan berguna pada Kementerian Pelajaran untuk merekabentuk dasar-dasar pelajaran bagi mengelakkan keciciran dari sekolah-sekolah.

2. Laporan tersebut dengan sendirinya adalah berbentuk teknikal. Saya telah meminta pasukan kajian itu supaya menyusunnya dengan begitu rupa sehinggakan boleh difahami dengan mudah oleh rakyat biasa. Laporan ini akan dikemukakan kepada Kabinet. Laporan ini akan diumumkan kepada orang ramai dan mungkin beberapa daripada dapatan-dapatannya tidak dapat dimasukkan dalam laporan itu oleh kerana perkara itu tidak patut diketahui oleh orang ramai, sekurang-kurangnya buat masa ini. Kementerian Pelajaran akan mengadakan seminar dan perbincangan-perbincangan mengenai laporan tersebut. Kerja-kerja pemulihan akan berkehendakkan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang dan akan melibatkan bukan sahaja Kerajaan tetapi juga murid-murid sendiri, ibu-ibubapa, guru-guru dan masyarakat seluruhnya.

3. Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Encik Wan Zahid bin Nordin dan anggota dalam pasukannya yang ditugaskan untuk menjalankan aspek teknikal kajian ini, Dr. Alan B. Wilson, seorang Professor yang terkenal dari University California, atas bantuannya dan bimbingannya mengenai kajian ini, Yayasan Ford yang telah dapat mengatorkan Dr. Wilson bertugas di Kementerian Pelajaran sebagai Penasihat Penyelidikan, dan Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan, Jabatan Perangkaan, Jabatan-Jabatan Pelajaran Negeri, guru-guru dan murid-murid atas bantuan dan kerjasama mereka untuk menjayakan kajian ini.





No Siri 530
No. Penerimaan 175/80